

**PROF. DR.
AHMAD
MARTADHA
MOHAMED**

PENGUMUMAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) adalah satu perkembangan reformasi pendidikan tinggi negara.

Ketika menyampaikan Ucapan Dasar Presiden Keadilan pada Kongres Nasional Keadilan 2026 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), beliau menyatakan kerajaan akan memansuhkan AUKU setelah mengambil kira tuntutan mahasiswa.

Sebagai sebuah universiti awam, Universiti Utara Malaysia (UUM) menyatakan penghargaan Perdana Menteri atas komitmen ini, khususnya apabila ia dilihat dalam kerangka transformasi pendidikan tinggi yang lebih luas.

Kenyataan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, suruhan pengumuman Perdana Menteri juga amat penting bagi memberikan gambaran lebih lengkap kepada masyarakat mengenai perkara ini.

Beliau menjelaskan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebenarnya telah pun mengambil kira keperluan memperbaharui kerangka perundangan pendidikan tinggi negara melalui Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035, yang dilancarkan pada 20 Januari 2026.

Ini bermakna usaha melakukan reformasi terhadap AUKU bukan baru muncul akibat desakan kumpulan mahasiswa semata-mata. Sebaliknya, ia berada dalam kerangka perancangan strategik KPT lebih awal melalui agenda pembentukan One Higher Education Act (OHEA) atau suatu akta pendidikan tinggi yang lebih komprehensif.

AUKU BUKAN HANYA MENGENAI MAHASISWA

AUKU sering dilihat hampir semata-mata daripada perspektif kebebasan mahasiswa, misalnya kebebasan berserikat, kebebasan bersuara atau hubungan mahasiswa dengan pentadbiran universiti.

Semua persoalan tersebut memang penting. Suara mahasiswa merupakan sebahagian yang tidak boleh dipisahkan daripada sebuah



PEMANSUHAN AUKU tidak boleh dilihat seperti memansuhkan satu peraturan disiplin mahasiswa dan kemudian keseluruhan proses selesai. - GAMBAR HIASAN

Pemansuhan AUKU selari dengan perancangan KPT

universiti yang matang. Namun begitu, AUKU bukan akta yang diwujudkan hanya untuk mengawal mahasiswa.

AUKU sebenarnya salah satu kerangka perundangan utama yang menjadi asas kepada penubuhan, penyelenggaraan, pentadbiran dan tadbir urus universiti awam. Ia menyentuh struktur universiti, pihak berkuasa universiti, mekanisme pentadbiran dan pelbagai aspek lain yang jauh melangkaui hal ehwal kemahasiswaan.

Atas sebab itu, pemansuhan AUKU tidak boleh dilihat seperti memansuhkan satu peraturan disiplin mahasiswa dan kesesuai. Apabila sebuah akta induk digantikan, negara perlu memastikan tidak berlaku kekosongan undang-undang atau ketidakpastian dalam tadbir urus institusi pendidikan tinggi.

Dalam konteks ini, penjelasan Menteri Pendidikan Tinggi bahawa pemansuhan AUKU perlu disusuli dengan suatu kerangka perundangan baharu yang lebih menyeluruh, progresif dan sesuai dengan keperluan masa

kini adalah amat tepat.

RPTM SUDAH MENYEDAIKAN ARAH REFORMASI

RPTM 2026-2035 sebenarnya telah memberikan asas cukup jelas terhadap arah perubahan itu. Pelan berkenaan tidak melihat pembaharuan pendidikan tinggi semata-mata daripada perspektif mahasiswa, tetapi mengambil pendekatan ekosistem.

Antara perkara yang berada dalam radar pembaharuan adalah pengukuhan struktur tadbir urus IPT, autonomi institusi, kecekapan lembaga, kebebasan akademik, pembentukan kerangka perundangan yang lebih tersusun.

Cadangan One Higher Education Act pula menunjukkan aspirasi untuk melihat semula landskap pendidikan tinggi secara lebih menyeluruh, termasuk hubungan antara kerangka perundangan sedia ada dan keperluan sektor pendidikan tinggi yang semakin kompleks.

Ini sangat penting kerana universiti hari ini tidak beroperasi dalam persekitaran yang sama seperti pada 1971. Universiti kini berhadapan

revolusi kecerdasan buatan, pendidikan rentas sempadan, mobiliti global mahasiswa dan akademik, pembelajaran digital, kerjasama industri, pengkomersialan penyelidikan, pembiayaan alternatif, TVET, tuntutan autonomi serta persaingan global mendapatkan bakat.

Justeru undang-undang yang mengawal ekosistem pendidikan tinggi juga perlu berkembang. Atas sebab itu, pengumuman Perdana Menteri adalah pengukuhan komitmen politik terhadap satu proses reformasi yang sebenarnya telah pun mendapat asas dasar melalui RPTM 2026-2035.

BERIKAN RUANG LAKSANA REFORMASI

Masyarakat, khususnya Masyarakat, khususnya, juga perlu mempunyai jangkaan yang realistik. Pengumuman pemansuhan adalah permulaan kepada satu proses yang besar. Pemansuhan AUKU tidak bermakna akta itu boleh hilang begitu sahaja tanpa kerangka pengganti.

Proses itu tentunya akan mengambil sedikit masa kerana beberapa perkara perlu dilakukan secara teliti. Kerangka baharu perlu mengenal pasti struktur tadbir urus universiti, autonomi institusi, kedudukan

lembaga universiti, kuasa dan akauntabiliti pengurusan, kebebasan akademik, suara mahasiswa, mekanisme semak dan imbang, pembiayaan, hubungan dengan kerajaan dan industri serta pelbagai aspek lain. Lebih penting, ia perlu memastikan universiti terus dapat beroperasi secara sah dan teratur sepanjang tempoh peralihan.

Sebab itulah saya menyokong penegasan Menteri Pendidikan Tinggi bahawa proses ini mesti dilakukan secara inklusif. Mahasiswa sudah tentu perlu diberikan ruang yang bermakna. Namun begitu, mahasiswa bukan satu-satunya pemegang taruh.

Proses menggubal undang-undang pendidikan tinggi baharu perlu melibatkan kepimpinan universiti, ahli akademik, mahasiswa, kakitangan universiti, IPT awam dan swasta, POLYCC, institusi TVET, pemain industri, pakar perundangan, pakar dasar pendidikan, alumni, masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain.

Pada masa sama, oleh sebab akhirnya rang undang-undang baharu perlu melalui Parlimen, libat urus dengan wakil-wakil parti politik juga amat penting.

Reformasi pendidikan tinggi sebagai-baiknya tidak menjadi agenda partisan. Kerajaan perlu mendapatkan pandangan Ahli-Ahli Parlimen daripada kerajaan dan pembangkang supaya apabila rang undang-undang baharu dibentangkan kelak, terdapat kefahaman yang lebih luas mengenai rasional, struktur dan matlamatnya.

Jika boleh, kita mahukan satu kerangka pendidikan tinggi yang mempunyai legitimasi merentas parti kerana universiti dan masa depan generasi muda tidak seharusnya berubah arah setiap kali berlaku pertukaran kerajaan. Justeru, setelah komitmen pemansuhan AUKU diumumkan, saya berpandangan semua pihak perlu memberikan masa dan ruang munasabah kepada KPT untuk melaksanakan proses tersebut dengan tertib.

Desakan untuk perubahan adalah sebahagian daripada demokrasi. Namun selepas keputusan dasar dibuat, tanggungjawab kita adalah dilaksanakan dengan baik.

Lebih baik kita membentuk sedikit masa membentuk kerangka kukuh daripada terburu-buru menggantikan satu undang-undang tetapi akhirnya mencipta lebih banyak ketidakpastian. UUM bersedia menyokong usaha KPT dan menyumbang pandangan serta kepakaran sekiranya diperlukan.

Prof Dr. Ahmad Martadha Mohamed ialah Nab Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM).